

Mengapakah puasa diwajibkan secara khusus para bulan Ramadhan?

Bulan Ramadhan adalah bulan ke sembilan dalam kalendar Islam. Oleh kerana kalendar bulan adalah seminggu setengah lebih kurang dari kalendar matahari, maka bulan Ramadhan akan semakin kebelakang setiap tahun. Ia adalah bulan suci di mana Tuhan telah menurunkan wahyu kepada manusia. Imam Jaafar as Sadiq(as) meriwayatkan dari Rasulullah(sawa):

“Kitab Ibrahim telah diturunkan pada malam pertama Ramadhan, Taurat pula diturunkan pada hari keenam bulan Ramadhan, Injil pula diturunkan pada 13 Ramadhan..Al Quran pula diturunkan pada 23 Ramadhan.”

Bulan ini juga dianggap begitu suci kerana terdapat di dalamnya malam Lailatul Qadar, di mana Tuhan telah menentukan segala urusan yang bakal terjadi kepada ciptaannya, untuk jangka masa setahun.

Imam Jaafar as Sadiq(as) telah mengatakan:

“Ketika malam Lailatul Qadar, para malaikat, ruh dan penulis wahyu akan turun ke langit bawah dan menulis apa sahaja yang Tuhan takdirkan untuk tahun itu, dan samada Allah mahu mempercepatkan atau melambatkan sesuatu, Allah akan memerintahkan malaikat untuk memadam atau menambah apa-apa yang Dia sukai.”

Rasulullah(sawa) telah mengkhabarkan kepada kita betapa hebatnya bulan Ramadhan:

“Bulan Ramadhan terlampau banyak sekali kelebihan, rahmat..Siang, malam dan setiap jamnya adalah di dalam perkiraan Allah, di mana lebih penting dari siang, malam dan jam pada bulan yang lain. Bulan ini melebihi bulan lain dalam kemuliaan dan rahmatnya..Jadi seikhlas hati, bebaskan diri dari kejahatan samada fikiran atau perbuatan, berdoa dan pintalah pada Allah agar diberikan kekuatan untuk berpuasa, sepanjang bulan ini..”

Kesimpulan:

Muslim berpuasa sebagai lambang pengabdian dan mencari keredhaan serta keampunan Illahi. Ia juga menjana kezuhudan di hati manusia. Berpuasa di bulan ini meninggalkan ayat-ayat Tuhan, dan menyucikan seseorang bagi mempersiapkan diri untuk malam al Qadar, serta pengharapan pada pengampunan Allah. Berpuasa merupakan pembaharuan kerohanian untuk setiap tahun, dan merupakan jalan Islam untuk keperibadian yang ideal.

Lebih lanjut tentang Islam, sila lawat:

<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

(Qur'an: Surah 2, Ayat 182-183)

Apa Itu Puasa Di Bulan Ramadhan?

Setiap tahun, di bulan ke sembilan dalam kalendar Islam, Muslim di seluruh dunia menahan diri mereka dari makan, minum, bersembang kosong dan beberapa perkara lagi dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

Berpuasa itu diwajibkan oleh agama Nabi Ibrahim

Agama Yahudi, Nasrani dan Islam, semua terdapat di dalamnya kewajiban berpuasa. Musa(as) berpuasa selama 40 hari di Gunung Sinai ketika menerima wahyu dari Tuhannya (Exodus 24:18). Walaupun sudah berkurangan, Yahudi masih lagi mengamalkan berpuasa ketika berkabung atau ketika di dalam bahaya.

Majoriti Yahudi yang beramal, akan berpuasa pada Hari Pembalasan dan selama seminggu bagi mengingati kemusnahan Jerusalem pada tahun 597 SM. Nabi Isa (as) juga turut berpuasa pada Hari Pembalasan dan selama 40 hari untuk menjauhkan godaan syaitan.

“Kemudian Isa telah dipimpin oleh Ruh ke arah padang pasir untuk digodai oleh syaitan. Selepas berpuasa selama 40 hari dan malam, beliau berasa lapar.” (Matthew 4:2)

Ramai orang Kristian berpuasa selama 40 hari sebelum Hari Easter, walaupun sekarang mereka hanya berpantang dari sesetengah jenis makanan, bukan puasa sepenuhnya. Muslim berpuasa selama sebulan ketika Ramadhan, dan juga secara sunat pada hari-hari lain di dalam setahun itu.

Tuhan yang satu telah mensyariatkan berpuasa kepada orang beriman, dan ia mempunyai banyak sekali kelebihan. Kenikmatan material boleh dilihat dari segi makanan dan minuman, nikmat seksual dan perkara lagha. Berpuasa memerlukan kita mengelak dari perkara ini yang bertentangan dengan perintah Tuhan. Ini membina dan menguatkan kawalan diri seseorang, mendekatkan mereka kepada Pencipta. Antara manfaat lain ialah:

- ❑ ***Berpuasa mengajar kesabaran, kawalan diri dan disiplin.***
- ❑ ***Berpuasa menambah rasa kasih pada yang tidak bernasib baik.***
- ❑ ***Berpuasa membina fokus kepada spiritual lebih dari material.***
- ❑ ***Berpuasa mempunyai banyak manfaat kesihatan.***
- ❑ ***Berpuasa boleh menghilangkan dosa dan menambah pahala***
- ❑ ***Berpuasa mengingatkan kita kepada acara keagamaan yang penting***

Puasa di bulan Ramadhan oleh kaum Muslimin adalah penerusan kepada amalan Agama Ibrahim. Ia mempunyai peranan besar dalam meningkatkan keimanan seseorang dan dalam beramal dengan agamanya.

“dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa...Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar..”

(Qur'an 33:35)

Apakah yang diperlukan untuk berpuasa Ramadhan?

Ringkasnya, berpuasa memerlukan berpantang dari semua jenis makanan dan minuman, sembang kosong dan aktiviti seksual dari terbit fajar hingga terbenam matahari. Sesetengah orang tidak dapat berpuasa atas sebab umur, kesihatan dan lain-lain sebab, oleh itu mereka perlu memberi sedekah dan menggantikan puasa mereka di lain waktu.

Bagaimanapun, sebab sebenar berpuasa di bulan Ramadhan itu lebih dari sekadar menghindari dari beberapa perkara sahaja. Ia adalah waktu kita menggandakan usaha untuk mencapai kesempurnaan rohani.

“Dahaga dan lapar yang kamu rasai dan lalui, di sini dan sekarang, adalah untuk menyedarkan minda kamu akan keadaan di Hari Pembalasan.

- ❑ *Berilah sedekah kepada mereka yang fakir dan miskin.*
- ❑ *Layanilah ibu bapa dan orang yang lebih tua dengan perasaan hormat*
- ❑ *Sayangilah anak-anak dan orang muda dari kami*
- ❑ *Berilah perhatian kepada kaum kerabat mu.*
- ❑ *Jagalah lidah dari perkara yang tidak patut di sebut*
- ❑ *Tutuplah mata kamu dari perkara yang tidak sopan untuk pandangan mata kamu*
- ❑ *Pekakkanlah telinga kamu untuk sesuatu yang tidak baik untuk telinga kamu*
- ❑ *Berlembutlah dan berbaiklah terhadap yatim piatu agar anak-anak kamu nanti, jika perlu, menerima layanan yang sama dari yang lain.*
- ❑ *Bertaubatlah kepada Allah dan carilah kedekatan kepadaNya”*
 - Nabi al Akram, solawat ke atasnya dan keluarganya.

Selain dari puasa dan berusaha untuk moral terbaik, Muslim juga menggunakan banyak masa dan tenaga di bulan ini untuk bersolat dan berdoa kepada Allah. Dalam beberapa malam di bulan ini, Muslim akan berjaga sepanjang malam untuk beribadat.

Selepas hari terakhir bulan Ramadhan, Muslim akan merayakan Eidul Fitri untuk merayakan penyempurnaan berpuasa. Mereka berkumpul bersama untuk bersolat, jamuan dan bertukar hadiah sesama mereka. Bagaimanapun, perasaan ini bercampur baur, kerana pemergian bulan Ramadhan, yang penuh dengan peluang pengampunan dan ganjaran, untuk setahun lagi.

“Aku berlindung kepada rahmat Mu, Ya Tuhan, apabila malam berakhir dan Ramadhan tamat, dan aku masih lagi seorang yang berdosa, yang bakal dihukum pada hari aku dhadapkan kepada mu.”

[Dari doa malam terakhir Ramadhan, diajar oleh Imam Jaafar as Sadiq(as)]